

SULIT



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

**Ogos 2017**

**2 ¼ jam**

**1103/1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.


**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti.

Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan hidup berjiran**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah kata.



**Bahagian B****[100 markah]****[Masa yang dicadangkan: 1 jam 30 minit]**

*Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

- 1 Bersempena dengan persaraan pengetua sekolah anda, pihak sekolah telah mengadakan majlis perpisahan. Selaku wakil pelajar, anda dikehendaki menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Tulis teks ucapan anda selengkapnya.

- 2 Pelbagai masalah sosial seperti pergaulan bebas, vandalisme dan lari dari rumah berkait rapat dengan kebejatan institusi keluarga.

Jelaskan peranan keluarga dalam menangani masalah sosial tersebut.

- 3 Pada alaf baharu ini, pihak kerajaan bersungguh-sungguh untuk memajukan industri desa kerana industri ini berpotensi meningkatkan ekonomi negara.

Bincangkan.

- 4 Dunia hari ini kian terhimpit dengan peperangan yang membawa kesan-kesan negatif.

Jelaskan peranan badan-badan dunia bagi membendung permasalahan ini.

- 5 Kewujudan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dapat memupuk minat orang ramai terhadap karya sastera.

Huraikan pernyataan di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT



PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos 2017

2½ jam

1103/2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **ciri-ciri remaja dan cara-cara remaja mengatasinya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah kata**.

Zaman remaja sering kali dikaitkan dengan alam yang penuh pancaroba kerana inilah alam yang perlu dilalui oleh setiap insan sebelum menginjak ke alam dewasa. Ahli psikologi memberikan takrifan usia bagi remaja adalah dalam lingkungan 13 hingga 21 tahun. Usia remaja merupakan usia perubahan atau transisi kanak-kanak kepada remaja sebelum mereka menjadi dewasa. Fasa transisi merupakan cabaran yang amat getir buat remaja. Sekiranya mereka gagal mengawal minda atau membuat pertimbangan yang sewajarnya, hal yang negatif amat mudah terjadi. Remaja akan mudah terkesan dengan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Sifat memberontak wujud dalam diri remaja sekiranya keinginan mereka tidak dipenuhi. Ahli keluarga seharusnya berperanan mendekati para remaja dengan penuh hikmah sewaktu mereka melalui fasa transisi ini.

Kebanyakan remaja mudah terdorong dengan perkara yang berkaitan dengan seksual. Selain itu, pada waktu tertentu, emosi remaja mudah menjadi tidak stabil. Malahan, ketika ini juga mereka mula berkonflik dengan diri sendiri, keluarga atau rakan sebaya. Ada kalanya, semua yang berlaku serba tidak kena dengan jiwa mereka. Dalam era teknologi maklumat dan komunikasi ini, remaja dilihat sebagai kelompok usia yang paling berisiko terhadap ancaman sosial yang negatif. Mereka memiliki sifat ingin tahu yang menebal dan mahu mencuba pelbagai perkara yang dianggap sebagai tindak balas semula jadi yang wujud dalam diri remaja. Kadang kala, fikiran remaja menjadi keliru dan bercelaru disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuklah keluarga, rakan sebaya dan persekitaran yang kurang memberangsangkan. Lumrahnya, remaja juga tidak suka dikongkong oleh orang yang lebih tua daripadanya. Seharusnya para ibu bapa perlu menjadi sahabat terhadap anak remaja mereka. Namun, situasi inilah yang jarang sekali berlaku dalam kalangan masyarakat.

Sikap sudah terhantuk baru tengadah perlu dihindari atau dijauhi oleh setiap ahli masyarakat kerana bimbang akan membawa *impak yang lebih buruk*. Potensi atau masa depan remaja pasti akan terjejas sekiranya terlibat dengan gejala yang negatif. Bukanlah sesuatu yang mudah jika remaja itu ingin kembali ke pangkal jalan, melainkan mereka mempunyai semangat yang cukup kuat. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Sokongan dan dorongan daripada orang yang lebih dewasa seharusnya hadir pada saat-saat mereka memerlukannya. Sesungguhnya remaja hari ini memerlukan perhatian dan bukannya kritikan semata-mata. Hal ini demikian kerana remaja merupakan modal insan yang bakal memacu kecemerlangan negara pada masa akan datang.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Cabar dan Halangan Semasa Transisi Remaja'  
oleh Md Nizar Parman  
*Dewan Siswa, Disember 2016*

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *impak yang lebih buruk*. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa peranan pelbagai pihak amat diperlukan sewaktu para remaja melalui fasa transisi dalam kehidupan mereka.  
Nyatakan peranan-peranan tersebut. [3 markah]
- (iii) Remaja yang hebat merupakan aset bernilai yang bakal mewarisi tumpuk kepimpinan negara pada masa hadapan.  
Pada pendapat anda, apakah peranan pihak kerajaan dalam melahirkan remaja yang hebat di negara kita? [4 markah]

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan drama di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ibu: Itu pun satu hal. Memalukan keluarga saja. Orang ramai dah heboh. Azmir masuk Orang Putih. Dia tak mahu jadi orang Melayu lagi. Habis, macam manalah orang tak kata dia gila. Mak cik sungguh malu sekarang. Nak jumpa orang pun mak cik dah tak sanggup lagi.

Pelakon II: Bersabarlah, mak cik. Mungkin ada hikmah di sebalik kejadian ini buat kita semua.

Pelakon III : Betul juga kata rakan saya tu. Peristiwa yang berlaku kepada Azmir mungkin berpunca daripada kurangnya perhatian dan kasih sayang.

Ibu : Nak buat macam mana lagi, encik. Kami dah beri pelajaran hingga dia masuk ke universiti.

Arif : Betul mak cik, tetapi ... masuk ke universiti saja belum menjamin seseorang itu mendapat kasih sayang yang secukupnya.

(IBU dan BAPA berpandangan. Mereka kelihatan semacam rasa bersalah).

Pelakon I : Pak cik, mak cik ... marilah kita sama-sama membantu Azmir. Dia amat memerlukan perhatian dan kasih sayang, bukan cemuhan dan penghinaan. Dia memerlukan semangat dan perangsang daripada kita semua, bukan kutukan dan hukuman.

Pelakon II : Kami lihat, Azmir seperti sedang menderita suatu penderitaan yang tak tertanggung. Kutukan, cemuhan dan hukuman akan hanya menyebabkan sakit yang dialaminya menjadi lebih parah.

Arif : Kami fikir, eloklah pak cik dan mak cik berjumpa dengan Azmir di hospital dengan segera sebelum terlambat. Dia amat memerlukan kita semua; lebih-lebih lagi, pak cik dan mak cik. Kami minta diri dulu.

Dipetik daripada drama ‘Bukan Gila’  
oleh Sharif Shaary,  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

(i) Berdasarkan petikan drama, mengapakah Azmir perlu dibantu? [2 markah]

(ii) Seorang sahabat anda mengalami masalah tekanan perasaan.

Sebagai seorang yang prihatin, apakah tindakan anda untuk membantu sahabat anda itu? [3 markah]

(iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** latar masyarakat yang lain daripada keseluruhan drama ini.

[4 markah]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal. Maka Seri Nara Diraja tidak muafakat dengan Paduka Raja, senantiasa beringgit juga; beberapa kali lain Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Diraja. Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu maka terlalulah dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir di dalam hati baginda, “Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tidak muafakat sama orang besar.”

Hatta, maka baginda fikir berbicara hendak memuafakatkan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirlah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?”

Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli Yang Dipertuan, baiklah, tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak orang Kaya Hitam?”

Maka sembahnya, “Mohon patik tuanku.”

Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”

Dipetik daripada “Burung Terbang Dipipiskan Lada,”  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan tersebut, apakah peristiwa yang terjadi selepas Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi orang besar? [2 markah]
- (ii) Nyatakan reaksi Sultan Muzaffar Syah apabila mengetahui perihal Seri Nara Diraja tidak bermuafakat dengan Paduka Raja. [3 markah]
- (iii) Raja yang adil sentiasa memikirkan kepentingan rakyat dan negara melebihi kepentingan peribadi.

Pada pendapat anda, bagaimanakah seorang raja itu boleh memerintah dengan adil?

[4 markah]

**Soalan 2(d) – Syair**

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR BIDASARI**

- |  |   |
|--|---|
| Dengarkan tuan suatu riwayat,<br>Raja di desa Negeri Kembayat,<br>Dikarang fakir dijadikan hikayat,<br>Supaya menjadi tamsil ibarat.       | 1 |
| Ada raja suatu negeri,<br>Sultan halifah akas bestari,<br>Asalnya baginda raja yang bahari,<br>Melimpah ngadil dagang senteri.             | 2 |
| Harian orang empunya temasya,<br>Baginda itulah raja perkasa,<br>Sangat tiada merasai susah,<br>Entah pada esok dan lusa.                  | 3 |
| Seri sultan raja bestari,<br>Setelah ia sudah beristeri,<br>Beberapa bulan beberapa hari,<br>Hamillah puteri permaisuri.                   | 4 |
| Beberapa lamanya dalam kerajaan,<br>Baginda duduk bersuka-sukaan,<br>Datanglah beroleh kedukaan,<br>Baginda meninggalkan takhta kerajaan.  | 5 |
| Datanglah kepada suatu masa,<br>Melayanglah unggas dari angkasa,<br>Unggas gurda sangat perkasa,<br>Menjadi negeri rosak binasa.           | 6 |
| Datanglah menyambar suaranya bahana,<br>Gemparlah sekalian mulia dan hina,<br>Seisi negeri gundah-gulana,<br>Membawa diri ke mana-mana.    | 7 |
| Baginda pun sedang dihadap orang,<br>Mendengar gempar seperti perang,<br>Bertitah baginda raja yang garang,<br>“Gempar ini apakah kurang.” | 8 |

Jamilah Hj. Ahmad (Penyelenggara)  
*Syair Bidasari, 1989*  
 dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
 Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkap **keenam** syair di atas. [2 markah]
- (ii) Pemimpin dan rakyat perlu saling membantu untuk membangunkan sesebuah negara.  
Pada pandangan anda, apakah tanggungjawab rakyat untuk memajukan sesebuah negara? [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam syair tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa****[30 markah]****Jawab semua soalan.**

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) pekat
- (ii) pikat
- (iii) siram
- (iv) suram
- (v) indah
- (vi) endah

**[6 markah]**

(b) Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.

- (i) Saya menziarahi nenek pada hujung minggu.
- (ii) Menteri Pendidikan telah merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang yang bertempat di Dewan Jubli Intan.
- (iii) Kamu harus memandu kereta itu dengan berhati-hati kerana hujan yang sangat lebat di lebuh raya.

**[6 markah]**

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sebahagian daripada tanah pesaka kepunyaan Haji Sulaiman di kampung akan diambil oleh pihak kerajaan negeri untuk menjadikan rizab jalan.
- (ii) Projek carigali yang baharu akan dilaksanakan di pengairan Terengganu oleh Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun hadapan.
- (iii) Rambut bayi itu kerinting dan berwarna perang kerana mengikut genetik daripada penurunan sebelah datuknya yang berasal dari Pakistan.

**[6 markah]**

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Remaja hari ini merupakan tonggak utama bagi merealisasikan apresiasi negara dalam masa 30 tahun daripada sekarang.
- (ii) Ayam jantan itu berbunyi dengan nyaring pada tiap pagi menandakan hari menjelang siang.
- (iii) Pasukan Bendahara bertempik keriangan apabila diumumkan sebagai juara di dalam pertandingan hiasan rumah sukan.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.

- (i) Mak Mah mendidik dan menjaga anak-anak tirinya dengan penuh kasih sayang.
- (ii) Peniaga itu mengambil kesempatan menjual barang-barang runcit di kedainya dengan harga yang tinggi kepada mangsa banjir.
- (iii) Lagu-lagu lama yang bertemakan hari raya masih segar dan diminati sehingga hari ini.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Mat Darin
- (ii) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latif bin Talib
- (iii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Silir Diksina karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Latar tempat menjadi aspek penting dalam sesebuah novel.

Huraikan **dua** latar tempat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** persoalan kebijaksanaan bagi setiap novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**